

**Pendokumentasian Pengalaman Mejar (B) Abd Aziz Bin Abd Latiff
dalam Misi Menyelamat “Black Hawk Down” Di Mogadishu, Somalia.**

Nur Nabilah Ibrahim
Farzana Zakaria
Mohd Nizam Yunus
Azman Mat Isa

**Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

Abstrak

Artikel ini merupakan penceritaan semula berdasarkan kepada sesi temubual yang telah dijalankan bersama bekas pesara tentera berpangkat Mejar iaitu Abd Aziz Bin Abd Latiff. Beliau berkongsi pengalaman-pengalaman semasa terlibat dalam misi menyelamat “Black Hawk Down” di Mogadishu, Somalia. Antara pengalaman yang telah diceritakan oleh beliau adalah perjalanan sebelum, dan semasa tiba di Mogadishu dan juga ketika kejadian perang mula tercetus. Turut diceritakan adalah pengalaman setelah perang tamat dan juga apabila tiba di Malaysia. Artikel ini turut mendedahkan cabaran beliau dalam mengehendkan penggunaan peluru untuk anggota beliau dan cara mengawal anggota-anggota bawahan dalam kompeni Alpha.

Kata kunci: “Black Hawk Down”, Mogadishu, Somalia, Mejar (B) Abd Aziz Bin Abd Latiff, Prebet Mat Aznan Bin Awang, misi pengaman, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Latar belakang Mejar (B) Abd Aziz Bin Abd Latiff

Mejar (B) Abd Aziz Bin Abd Latiff merupakan anak kepada pasangan Abdul Latiff Bin Haji Mat dan Munah Binti Saleh. Kedua ibu bapa beliau adalah pasangan petani disamping turut melakukan kerja kampung dan berniaga. Beliau dilahirkan pada 4 Ogos 1955 di Kampung Pak Badol, Kota Bahru, Kelantan. Pada awal

penglibatan beliau dalam misi PBB (Pengaman Bangsa-bangsa Bersatu) ini, beliau hanya terlibat dalam misi di dalam negara sahaja iaitu melibatkan operasi bagi memastikan keamanan negara iaitu di kem yang terletak di Sungai Petani, Kedah. Di dalam PBB, (Pertubuhan bangsa-bangsa bersatu) ini beliau menjawat jawatan sebagai, Ketua Kompeni A19 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).

Beliau mendapatkan pendidikan peringkat rendah pada tahun 1962 di Sekolah Kebangsaan Pak Badol, kemudiannya beliau berpindah ke Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris Melor, Kelantan. Seterusnya beliau melanjutkan pendidikan di peringkat menengah di Sekolah Kebangsaan Melor, Kelantan. Kemudian, beliau berpindah ke sekolah Maktab Sultan Ismail, Kota Bahru, Kelantan. Seterusnya beliau menyambung pendidikan di peringkat ijazah di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dalam bidang Sains Sosial, mengkhusus dalam bidang Sains Politik.

Pada awal karier beliau sebelum terlibat dalam misi PBB, beliau hanya bekerja sendiri setelah tamat tingkatan lima sehinggalah beliau berumur 23 tahun. Selepas itu, barulah beliau menyertai bidang ketenteraan ini iaitu pada tahun 1979 dengan menghadiri temuduga di Kem Desa Pahlawan, Kelantan dan beliau telah lulus temuduga tersebut setelah melepasi beberapa ujian yang diberikan. Apabila beliau telah diiktiraf sebagai tentera secara rasmi, beliau telah dihantar ke Kem Sebatang Kara, Port Dickson, Negeri Sembilan bagi menjalani latihan ketenteraan bersama tentera-tentera yang lain selama setahun di Sekolah Pegawai Kadet, Sebatang Kara dan akhirnya beliau berjaya ditauliahkan sebagai pegawai tentera.

Pengenalan

Black Hawk diambil sempena nama sebuah helikopter yang terhempas di Mogadishu, Somalia pada tahun 1993. Apabila helikopter tersebut ditembak dan jatuh terhempas, juruterbang menggunakan kod "Black Hawk Down" bagi memberitahu markas bahawa helikopter mereka telah ditembak jatuh. Operasi untuk menyelamatkan tentera Amerika yang dikepung semasa usaha untuk menangkap pengganas Somalia merupakan tunjang utama artikel ini. Dalam operasi ini, tentera Malaysia telah bertarung nyawa untuk menyelamatkan tentera Amerika semasa di Mogadishu, Somalia.

Paling menyedihkan seorang anggota tentera Malaysia terkorban semasa dalam operasi yang disertai oleh lebih 100 anggota tentera Malaysia iaitu Prebet Mat Aznan Bin Awang. "Black Hawk Down" ini pernah difilemkan di Amerika pada tahun 2001 arahan pengarah Ridley Scott. Filem tersebut berdasarkan kisah benar yang terjadi pada tentera Amerika semasa peperangan tersebut berlaku. Filem "Black Hawk Down" ini juga turut memenangi dua anugerah Academy. Tetapi di dalam filem tersebut tidak memaparkan sumbangan anggota-anggota tentera Malaysia yang berkorban dan berjuang menyelamatkan tentera Amerika semasa mereka dikepung oleh musuh. Ia seolah menunjukkan bahawa anggota tentera Malaysia tidak memainkan peranan penting terhadap misi tersebut.

Brigadier Jeneral (B) Datuk Abdul Latif Ahmad ketika ditemui oleh Free Malaysia Today (2018), menegaskan bahawa Amerika telah empat kali mencuba untuk menyelamatkan tentera mereka sendiri yang dikepung namun gagal. Bagaimanapun oleh kerana dengan adanya tentera Malaysia dan Pakistan, tentera Amerika dapat menyelamatkan rakan-rakan mereka. Ini kerana kita mempunyai kelengkapan seperti kereta perisai dan Pakistan pula mempunyai kereta kebal.

Tentera-tentera Amerika menaiki kereta perisai tentera Malaysia dan sekaligus dapat melindungi tentera Amerika dari tembakan musuh. Bagaimanapun apabila hampir ke kawasan menyelamat, kereta kebal Pakistan berundur dan membiarkan sahaja kereta perisai tentera Malaysia dan tentera Amerika masuk ke kawasan pertempuran.

Pengalaman perjalanan sebelum ke Mogadishu, Somalia

Sebelum beliau berangkat ke Mogadishu Somalia, beliau dan beberapa anggota pegawai yang lain ketika itu berkhidmat di Batalion ke 19 Rejimen Askar Melayu Diraja di Sungai Petani. Beliau dan anggota tentera yang lain menjalani beberapa latihan seperti menyesuaikan anggota tentera untuk beroperasi dalam keadaan di padang pasir, dan juga operasi di dalam kawasan yang berbangunan. Kemudiannya, menurut beliau, mereka semua bertolak pada awal bulan Julai bagi menjayakan misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ini.

Perjalanan untuk ke Mogadishu, Somalia tersebut di bahagikan kepada dua kumpulan tentera iaitu satu kumpulan bergerak bersama-sama dengan menaiki kapal laut di Pulau Pinang manakala lagi satu kumpulan pula menggunakan kapal terbang C130 Hercules yang bertolak daripada pangkalan tentera udara Butterworth, Pulau Pinang.

Bagi perjalanan menggunakan kapal laut ianya mengambil masa hampir dua minggu untuk sampai ke pelabuhan Mogadishu. Manakala kumpulan yang menggunakan kapal terbang C130 Hercules pula mengambil masa lebih kurang 23 jam. Seterusnya, apabila tiba sahaja di lapangan terbang Mogadishu, mereka semua terus bertolak ke Nairobi iaitu ibu negara bagi Kenya untuk bermalam di sana sementara menunggu lagi beberapa anggota yang masih berada di Malaysia untuk sampai di Mogadishu.

Beliau turut menjelaskan bahawa, bagi perjalanan menggunakan kapal terbang C130 Hercules untuk ke Mogadishu, Somalia mengambil masa agak lama iaitu lebih kurang 23 jam kerana terpaksa menunggu untuk mendapatkan *clearance* bagi ruang udara kapal terbang tentera. Jadi semasa dalam perjalanan beliau yang menggunakan kapal terbang C130 Hercules tersebut, beliau dan anggota tentera lain yang terlibat terpaksa menunggu bagi mendapatkan *clearance* untuk melintasi ruang udara negara Pakistan sebelum tiba di negara Somalia.

Pengalaman semasa tiba di Mogadishu, Somalia dan semasa kejadian perang mula tercetus

Menurut beliau, sebaik sahaja tiba di Mogadishu, beliau dan anggota tentera yang lain mendirikan khemah penempatan bagi dijadikan tempat untuk berteduh. Pada ketika itu, tiada sebarang arahan atau tindakan dimulakan lagi kerana belum mendapat apa-apa arahan daripada pihak Amerika. Jadi dalam masa seminggu tersebut, beliau dan anak buah beliau membuat pelbagai tugas yang patut seperti menolong mendirikan khemah bagi anggota-anggota dari kompeni lain sementara menunggu arahan dan juga barang-barang daripada kapal laut sampai.

Kejadian perang mula tercetus apabila mereka semua terdengar satu letupan yang kuat. Beliau menjelaskan sebelum terjadinya letupan tersebut, beliau dan anggota tentera yang terlibat sedang melakukan misi iaitu melakukan penggeledahan di kawasan “carefour” setelah mendapat arahan daripada pihak atasan. Kemudiannya beliau dan anggota yang lain merasa hairan apabila melihat banyak helikopter yang turun naik dalam jangka masa yang agak singkat. Kebetulan khemah penempatan mereka berada hanya bersebelahan dengan lapangan terbang. Jadi mereka dapat menyaksikan kejadian ini dengan jelas dan berasa hairan dengan keadaan yang berlaku sambil bertanya sesama sendiri.

Sebaik sahaja melakukan tugas yang telah diberikan dan setelah pulang dari kawasan tinjauan, beliau mula membuat perancangan untuk hari esok. Kemudiannya, pada waktu petang setelah selesai makan dan sedang berehat sementara menunggu untuk menjalankan operasi semula pada pukul 3 pagi, beliau berbual bersama anggota dan pegawai yang lain mengenai suasana keadaan yang pada ketika itu agak riuh rendah dengan bunyi kapal terbang turun naik dan juga bunyi beberapa letupan.

Beliau mula tidak senang duduk dan merasa gusar dengan keadaan yang berlaku sambil membuat andaian bahawa beliau dan anggota yang lainnya mungkin bakal dipanggil untuk melakukan sebarang misi menyelamatkan memandangkan keadaan pada ketika itu kelihatan agak huru-hara. Dan ternyata, andaian beliau tepat sekali apabila dipanggil atas arahan ketua beliau pada waktu menghampiri maghrib untuk bersiap sedia menyiapkan peralatan senjata untuk bertolak ke kawasan pelabuhan.

Sebaik sahaja tiba di kawasan pelabuhan, anggota tentera Amerika memberi gambaran apa yang akan berlaku dan tindakan apa yang perlu dilakukan untuk menyelamatkan juruterbang helikopter “Black Hawk” yang jatuh terhempas di Pasar Bakara sebelum menunggu arahan selanjutnya iaitu perintah gerakan operasi. Setelah mendapat arahan, beliau terus pulang kepada kumpulan beliau untuk menyusun atur semula anggota. Ini adalah kerana, tidak semua anggota akan terlibat dalam misi ini. Jadi beliau memberi arahan kepada ketua platun

beliau untuk memilih anggota untuk dibawa bagi menjalankan misi menyelamatkan ini berdasarkan kepada sesiapa yang sukarela dan juga dari segi kepakaran mereka.

Namun begitu, beliau mendakwa ketua platun beliau menghadapi masalah bagi melakukan pemilihan ini kerana majoriti anggota tentera pada ketika itu berebut menawarkan diri untuk menyertai misi menyelamatkan. Ini adalah salah satu perkara yang membuatkan beliau amat kagum dengan semangat yang dimiliki oleh anggota tentera kita kerana langsung tidak berasa takut atau gentar meskipun mereka tahu bahawa misi menyelamatkan ini berisiko memandangkan anggota yang terpilih bakal dibekalkan dengan senjata sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak diinginkan. Dan akhirnya, beliau memberi arahan kepada ketua platun beliau untuk memilih secara rawak di atas kertas.

Apabila selesai sahaja pemilihan anggota, perjalanan ke destinasi dituju iaitu Pasar Bakara di mana lokasi kejadian helikopter tersebut jatuh adalah dengan menaiki kereta perisai. Menurut beliau, satu kereta perisai hanya boleh memuatkan 10 orang sahaja dalam satu seksyen. Perjalanan menaiki kereta perisai tersebut hanya bertemankan lampu "combo light" sahaja memandangkan operasi dijalankan pada waktu malam. Beliau turut berkata bahawa, semasa perjalanan untuk sampai ke destinasi yang dituju, telah berlaku kejadian tembak menembak oleh orang musuh ke arah kereta perisai anggota-anggota tentera yang lalu pada ketika itu.

Malang tidak berbau, telah berlaku satu kejadian yang tidak dapat dilupakan oleh semua anggota tentera Malaysia di mana, kejadian tembak menembak tersebut telah mengorbankan salah seorang anggota tentera iaitu Prebet Mat Aznan Bin Awang yang ketika itu sedang berada di dalam kereta perisai di bahagian hadapan sekali manakala beliau berada dalam kereta kebal di barisan keempat. Setelah mendapat berita bahawa Prebet Mat Aznan telah terkena tembakan, beliau sebagai ketua bagi kompeni Alpha merasa bertanggungjawab untuk turun melihat keadaan Prebet Mat Aznan tersebut. Namun ketika beliau sampai, Prebet Mat Aznan telah menghembuskan nafas terakhir beliau. Meskipun merasa sedih, namun beliau tetap terpaksa meneruskan

perjalanan kerana bagi beliau amanah yang telah dipertanggungjawabkan amat berat.

Setelah tiba sahaja ke destinasi yang dituju, sudah berlaku kejadian tembak menembak namun tidak lah serancak seperti sebelum mereka tiba. Keadaan helikopter “Black Hawk” yang ditemui pada ketika itu telah jatuh terhempas dan terlerai. Ekor pesawat tersangkut di bahagian runtunan bangunan. Menurut beliau lagi, kejadian situasi sebenar helikopter tersebut jatuh adalah pada sebelah pagi namun anggota tentera mereka tiba pada sebelah malam.

Ketika tiba di tempat kejadian, beliau mendakwa keadaan helikopter yang ditemui pada ketika itu hanya tinggal rangka sahaja. Dan kemungkinan kepek dan dinding helikopter tersebut telah dicuri oleh penduduk di kawasan sekitar tersebut. Manakala mayat juruterbang bagi helikopter tersebut telah tiada. Kemungkinan besar telah diculik oleh musuh dijadikan tebusan. Bowden, (1999) mengatakan bahawa juruterbang helikopter telah diculik oleh musuh sementara mayat anggota lain telah diheret ke kawasan lain.

Pengalaman setelah perang tamat dan apabila tiba di Malaysia

Dalam tempoh 12 jam pertempuran tersebut berlaku, anggota tentera Malaysia tidak merasa putus asa untuk menamatkan misi ini kerana mereka sendiri sukarela untuk terbabit di dalam operasi menyelamatkan. Anggota tentera Malaysia juga bertanggungjawab untuk menamatkan misi ini dengan jayanya dan selamat pulang ke Malaysia. Selain itu, dalam tempoh 12 jam kejadian perang tersebut berlaku, anggota tentera Malaysia tidak ada masa untuk berehat. Menurut Mejar Abd Aziz, jika ada anggota tentera Malaysia yang ingin berehat haruslah dalam satu kelompok kerana mereka mesti bergilir-gilir berjaga untuk memastikan keselamatan anggota lain berada dalam keadaan selamat. Dalam masa rehat yang diberikan itu juga anggota tentera yang tercedera boleh menerima rawatan.

Dalam tempoh pertempuran tersebut sumber makanan yang diambil oleh anggota tentera Malaysia ialah makanan yang dibekalkan dan ada juga makanan yang diberikan oleh tentera Amerika. Pihak tentera Pakistan juga ada memasak untuk anggota tentera Malaysia tetapi ramai anggota tentera Malaysia tidak

sempat untuk makan kerana terlalu sibuk dengan misi. Anggota tentera Malaysia akan makan pada waktu malam setelah pulang dari misi dan selalunya mereka akan makan mi segera, sardin dan biskut yang dibekalkan dari kem Malaysia.

Menurut Mejar Abd Aziz, rakyat Somalia yang terkorban dalam misi ini adalah dalam empat ratus orang. Ramai daripada mereka terkorban semasa peperangan yang berlaku pada waktu malam kerana terdapat banyak helikopter yang menembak mereka. Manakala menurut laporan dari juru bahasa yang terlibat dalam misi ini, rakyat Somalia yang terkorban selepas peperangan tersebut ialah dalam lingkungan enam ratus orang.

Tambahan pula, suasana di Mogadishu semasa peperangan berlaku sangat sengit kerana tembak-menembak berlaku sepanjang jalan dan 12 jam tanpa henti. Anggota tentera Malaysia terpaksa mengawal penggunaan peluru kerana situasi pada waktu itu tidak dapat dijangka apa yang bakal berlaku dan terdapat banyak halangan yang harus mereka tempuhi untuk menenangkan kembali keadaan pada waktu itu. Ramai rakyat Somalia yang tewas kerana tidak mendapat bekalan senjata yang secukupnya untuk meneruskan peperangan tersebut.

Setelah perang tamat di Mogadishu, tentera Amerika terpaksa berkongsi kenderaan dengan anggota tentera Malaysia kerana ramai tentera Amerika yang tercedera akibat peperangan tersebut. Anggota tentera Malaysia dan tentera Amerika mempunyai hubungan yang baik dan mereka saling tolong-menolong untuk memastikan semua berjalan dengan lancar semasa menghadapi peperangan tersebut. Semasa peperangan berlaku anggota tentera Malaysia sentiasa meminta bantuan daripada tentera Amerika untuk menembak pihak musuh daripada kawasan atas melalui bantuan kapal terbang kerana ia lebih mudah untuk menjatuhkan pihak lawan serta menjimatkan peluru bagi anggota tentera Malaysia.

Kemudian semasa di dalam kenderaan untuk pulang setelah selesai berperang, tentera Amerika terpaksa berhimpit dengan anggota-anggota tentera Malaysia yang lain kerana tiada pilihan. Ramai juga tentera Amerika yang

terkorban dan cedera parah semasa peperangan berlaku, anggota tentera Malaysia terpaksa bertolak-ansur bagi memberi ruang kepada tentera Amerika yang tercedera dan yang terkorban semasa di dalam kenderaan.

Ada anggota tentera Malaysia terpaksa turun dari kereta dan menahan kenderaan dari platun kompeni lain untuk memberi ruang kepada tentera Amerika yang cedera parah serta yang terkorban.

Seterusnya, keadaan di Somalia selepas peperangan tamat pada ketika itu penuh dengan mayat dan rangka mayat yang bergelimpangan di atas jalan akibat daripada peperangan yang berlaku. Peperangan tersebut berlaku di antara tentera Amerika, anggota tentera Malaysia dan musuh dari rakyat Somalia. Terdapat ramai rakyat Somalia yang kehilangan keluarga akibat peperangan tersebut serta tidak cukup bekalan makanan. Peperangan tersebut berlaku kerana peperangan saudara antara bangsa mereka sendiri kerana perebutan harta. Rakyat Somalia ini ramai yang beragama Islam dan mereka juga mengamalkan Mazhab Syafie seperti di Malaysia, tetapi akibat daripada perang saudara tersebut ramai daripada mereka menjadi tidak tentu arah.

Selain itu, tindakan yang dilakukan kepada mayat tentera Amerika ialah dengan membawa mayat tersebut keluar dari bangunan dan meletakkan di atas kereta perisai. Setiap kereta perisai membawa mayat tentera Amerika untuk mempercepatkan serta memudahkan kerja. Seterusnya, anggota tentera Malaysia membawa mayat-mayat tentera Amerika dan meletakkan mayat tersebut di stadium kem anggota tentera Malaysia. Terlalu banyak mayat tentera Amerika sehinggakan mereka terpaksa meletakkan mayat tentera Amerika di stadium tersebut kerana tidak mempunyai tempat lain lagi yang boleh diletakkan.

Di samping itu, tempoh masa perjalanan yang diambil untuk menghantar pulang semula tentera Malaysia ke negara Malaysia ialah dalam lapan ke sembilan jam untuk sampai di lapangan terbang antarabangsa Pulau Pinang. Anggota tentera Malaysia menaiki kapal terbang Lubnan Airline di Mogadishu, Somalia untuk terus sampai di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Sumbangan yang dianugerahkan oleh Malaysia bagi menghargai tentera yang terlibat dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ini ialah penganugerahan pingat Panglima Gagah Berani kepada enam orang anggota tentera Malaysia dan anugerah Sri Pahlawan pada seorang anggota tentera Malaysia. Anggota tentera Malaysia juga diberi kenaikan pangkat setelah tamat misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Selain itu, ramai anggota tentera Malaysia yang terlibat dalam misi ini dipanggil untuk ditemu bual dan menceritakan kembali peristiwa atau pengalaman mereka semasa terlibat dengan misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ini.

Kesimpulan

Iktibar yang boleh kita ambil berdasarkan peristiwa “Black Hawk Down” ini ialah anggota tentera Malaysia sentiasa melakukan latihan tanpa henti sebelum berangkat pergi ke Mogadisu, Somalia untuk menghadapi misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Pelbagai latihan yang anggota tentera Malaysia jalani antaranya ialah latihan tembak-menembak, latihan dari segi mental dan sebagainya. Latihan asas sebagai tentera sangat penting sebelum memulakan atau menghadapi sesuatu misi yang akan datang. Pemilihan anggota juga sangat penting sebelum menghadapi sesuatu misi. Selain itu, harapan Mejar (B) Abd Aziz Bin Abd Latiff untuk generasi masa kini ialah anak-anak muda yang berhasrat atau bercita-cita ingin menjadi seorang tentera perlulah memiliki keikhlasan hati kerana tentera bukan satu kerjaya yang baik pada umur 20 tahun tetapi ia berkaitan pengorbanan terhadap negara. Anak muda hendaklah mempunyai kesanggupan untuk berkorban dan berjuang menyelamatkan negara tercinta. Tentera bukan satu kerjaya yang tetap kerana pada peringkat umur 42 tahun mereka sudah pun bersara. Dalam tentera juga perlu melakukan banyak pengorbanan dan memerlukan keikhlasan hati yang sangat tinggi kerana banyak misi yang harus ditempuhi dan diperjuangkan untuk menyelamatkan negara.

Rujukan

FMT news (2018). Ada jasa Malaysia di sebalik kisah ‘Black Hawk Down’,kata pesara. Retrieve September 01, 2018 from

<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2018/09/01/ada-jasa-malaysia-di-sebalik-kisah-black-hawk-down-kata-pesara/>

Bowden, Mark (1999). Bantam Press, London. Black Hawk Down

Sumber penyelidikan (2019). Mejar Abd Aziz Bin Abd Latiff